

FFVPM6 bermula esok

Oleh TENGKU SUZANA RAJA HAMAT

suzana.rajamamat@kosmo.com.my

MASUK edisi keenam, Festival Filem/Video Pelajar Malaysia (FFVPM) yang singgah di Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun ini mencanai sesuatu yang banyak pembaharuanya berbanding lima pengjuran terdahulu.

Sesuatu yang ketara, kemunculan Anugerah Perdana mempertandingkan dua bentuk karya iaitu Video Pendek dan Dokumentari Pelajar yang dipilih menerusi kaedah Super Pitch yang julung kali diperkenalkan tahun ini.

Nyata kaedah ini memperlihatkan satu eksperimental yang hambar sempurna di bawah acuan Fa-kulti Bahasa Mo-den dan Komuni-kasi (FBMK) UPM.

"Mulanya kami agak risau, tapi sampai ke saat terakhir ini, penjurian untuk lima video terbaik dan dokumentari dalam kategori Anugerah Perdana kelak akan menjadi satu proses yang sukar. Juri pada peringkat awal mengakui kar-yanya pembikin filem amatir ini setanding dan sebaris dengan karya pembikin filem arus perdana," ujar Pengurus Penjurian FFVPM6, Dr. Muhamad Sham Shahkat Ali selepas sidang media mengumumkan pencalonan akhir FFVPM6. Festival itu akan bermula esok.


Sebagai pencetus semangat buat semua pelajar filem yang terbabit, buat pertama kali dalam sejarah pengjurannya, FFVP tahun ini juga menggandakan imbuhan kepada para pemenang kategori utama.

Selain wang tunai keseluruhan sebanyak RM33,000 dan trofi kemenangan, sebanyak lima buah kamera video digital berharga RM46,000 tajaan Panasonic menanti pemenang bagi kategori Anugerah Perdana untuk trofi Video Pendek Terbaik dan Dokumentari Terbaik serta satu anugerah terbaik dalam kategori Anugerah Cipta.

Bagi kategori Video Pendek Terbaik dalam Anugerah Perdana sebanyak lima video terbaik telah disenarai pendek iaitu *Kasih Mastura* (UPM), *Mengintai Kasih* (ASWARA), *Aidan Damia* (UiTM Melaka), *Rewind* (UTAR) dan *Let's Play A Game* (Limkokwing).

Karya berjudul *Nabi Palsu* (UiTM Melaka), *Autisme* (UPM), *Witty Wings* (UTAR), *Cunwai* (ASWARA) dan *Tagal Sungai Moroli* (UMS) pula terpilih sebagai finalis dalam kategori Dokumentari Terbaik.

Antara yang tercalon untuk dinilai sebagai Filem Pendek (Cereka) Terbaik menerusi Anugerah Cipta ialah *Satu* (ASWARA) dan *1963* (ASWARA).



REWIND dan Autisme: Namun Ku Punya Hati antara naskhah yang memeriahkan FFVPM6.

Sesuatu yang memberangsangkan juga adalah peningkatan ketara yang dapat dilihat menerusi penyertaan pelajar yang mencapai angka 310 penyertaan merangkumi 100 penyertaan bagi kategori Anugerah Perdana, manakala 210 penyertaan bagi Anugerah Cipta untuk bersaing dalam 34 kategori anugerah yang diperlombakan secara keseluruhan.

Tahun ini, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) muncul sebagai institusi yang paling banyak menghantar penyertaan.

Tidak sekadar pesta untuk pembikin filem yang bakal dinobatkan sebagai terbaik menjelang Malam Anugerah FFVPM pada malam 10 Januari nanti, festival yang bermula esok juga menyenaraikan pelbagai atur cara bagi menepati tema kali ini, *Memperkasakan Modal Insan Industri Perfileman*.

Antara yang menarik untuk mengisi masa santai orang awam, peminat filem, khalayak UPM dan pelajar filem sendiri adalah sesi tayangan dan apresiasi filem yang membariskan filem-filem menarik untuk diperbahaskan, antaranya *Mualaf*, *Antoo Fighter*, *Budak Kelantan* dan *Kami*.

Tidak hanya disajikan dengan tayangan filem percuma, sesi diskusi filem-filem yang ditayangkan turut menampilkan pengarah, pelakon serta orang filem sebenar bagi memberikan ulasan lanjut berhubung falsafah atau impak filem terhadap masyarakat.

Setiausaha festival filem itu, Mohd. Sarizi Jamaluddin memberitahu, sehingga kini semua panel dan pelakon yang terlibat dengan filem yang dipilih untuk tayangan dan apresiasi filem sepanjang tiga hari festival sudah pun memberi kata putus untuk hadir.

"Misalnya, untuk tayangan dan apresiasi filem *Antoo Fighter*, bukan sahaja pengarah dan beberapa pelakon utama sudah sedia memberikan kerjasama, bahkan produksi filem berkenaan juga sanggup membuat demonstrasi kesan khas yang digunakan untuk penghasilan imej komputer grafik filem berkenaan," kata Salizi kepada Kosmo!.

Bagi malam kemuncak pada 10 Januari nanti, Pengurus Malam Anugerah FFVPM, Aiman Mustakim Roslan pula sudah bersedia menyahut cabaran memastikan malam anugerah itu kelak keluar daripada kepompong pelajar.

"Konsep memperingati yang lama dan memperkenalkan yang baru akan saya persembahkan. Seperti mana kita semua tahu, pembikinan filem ketika ini banyak mengaplikasikan teknologi Definisi Tinggi (HD), tapi sedarkan kita semua bahawa penggunaan rel filem mempunyai sejarah yang tidak boleh disangkal."

"Satu lagi penampilan yang saya kira unik menjelang malam anugerah nanti adalah pertembungan antara gambus dan gitar dalam arena muzik tanah air."

"Harapan saya agar malam anugerah itu akan setaraf dengan anugerah hiburan lain di peringkat nasional. Kami betul-betul merancang untuk meraikan penglibatan pelajar dalam arena perfileman, jadi itulah fokus kami," ujar Aiman yang menjangkakan seramai 3500 yang terdiri daripada pelajar, artis dan orang ramai akan menuhi Dewan Banquet UPM menjelang malam kemuncak itu.

Sebagai tuan rumah, Aiman mahu imej UPM sebagai penganjur tidak tercalar sepanjang festival berlangsung.

"Sebab itu kami buat sehabis baik dan lebih RM10,000 digunakan untuk melancarkan strategi promosi seperti poster serta hebahan media termasuklah hebatan di Selangor.FM dan Radio Putra.FM sendiri," katanya.



8 Januari

- Perasmian FFVPM6 oleh Pengurus FINAS (Dewan Zaaba Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM - 9 pagi)
- Tayangan/Penjurian Anugerah Perdana (Dewan Zaaba - 11 pagi)
- Tayangan/Apresiasi Filem *Kami* (Dewan Zaaba - 8 malam)

9 Januari

- Wacana Profileman (Memperkasakan Modal Insan Profileman Penyiaran) (Dewan Zaaba FBMK - 9 pagi)
- Tayangan/Apresiasi Filem *Budak Kelantan* (Dewan Zaaba - 3 petang)

10 Januari

- Tayangan/Apresiasi Filem *Mualaf* (Dewan Zaaba - 9.30 pagi)
- Tayangan/Apresiasi Filem *Antoo Fighter* (Dewan Zaaba - 2 petang)
- Malam Anugerah FFVPM6 (Dewan Banquet UPM - 8 malam)

Antara Pencalonan Anugerah Cipta:

1. **Anugerah Filem Cereka (Pendek) Terbaik:**
 - *Satu* (ASWARA)
 - *1963* (ASWARA)
2. **Anugerah Video (Pendek) Cereka Terbaik:**
 - *Burp* (ASWARA)
 - *Ilusi* (MIIM)
 - *The Last Exit* (UTAR)
 - *Aku* (ASWARA)
 - *Kopitiam Kurang Manis* (UiTM)
3. **Anugerah Filem/Video Eksperimental Terbaik:**
 - *Pleasure* (UiTM)
 - *The Artifact* (MMU)
 - *The Weather Man* (MMU)
 - *Wind* (MMU)
 - *Air* (UiTM Shah Alam)
4. **Anugerah Video Muzik Terbaik:**
 - *Jatuh Cinta Lagi* (MIIM)
 - *Sin* (UTAR)
 - *Puteri Natya Shatra* (UiTM Shah Alam)
 - *Hati* (UiTM Shah Alam)
 - *Semangat Huminodun* (ASWARA)
5. **Anugerah Iklan/Promosi Terbaik:**
 - *Utamakan Keselamatan* (UIA)
 - *Menjahit Katarsis* (UKM)
 - *Kehidupan Yang Positif* (UKM)
 - *Canon* (Segi College)
 - *Our Hope* (UTAR)